



31 Disember 2019
31 December 2019
P.U. (A) 402

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (PENENTUAN NILAI BARANG-BARANG YANG DIKILANGKAN SECARA TEMPATAN BAGI MAKSUD MELEVI DUTI EKSAIS) 2019

EXCISE (DETERMINATION OF VALUE OF LOCALLY MANUFACTURED GOODS FOR THE PURPOSE OF LEVYING EXCISE DUTY) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (PENENTUAN NILAI BARANG-BARANG YANG
DIKILANGKAN SECARA TEMPATAN BAGI MAKSUD MELEVI DUTI EKSAIS) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 85(2)(*bd*) Akta Eksais 1976 [Akta 176], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Eksais (Penentuan Nilai Barang-Barang yang Dikilangkan Secara Tempatan bagi Maksud Melevi Duti Eksais) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

(3) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi barang-barang berduti yang dikilangkan secara tempatan.

Tafsiran

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“maklumat yang mencukupi” ertinya maklumat yang objektif dan boleh ditentukan kuantitinya yang digunakan untuk memastikan ketepatan apa-apa amaun, perbezaan atau pelarasan nilai barang berduti yang ditentukan;

“perjanjian kontrak pengilangan” ertinya apa-apa perjanjian untuk mengilang barang bagi pihak mana-mana orang yang boleh termasuk penggunaan khidmat luaran bagi aktiviti pengeluaran tertentu ke atas barangan yang dibekalkan oleh orang itu.

Penentuan nilai barang berduti

3. (1) Nilai barang berduti bagi maksud melevikan duti eksais hendaklah harga yang seseorang pembeli akan bayar bagi barang atas pembelian dalam pasaran terbuka pada masa duti itu boleh dibayar sewaktu pemindahan barang tersebut daripada

tempat pengilangan yang dinyatakan dalam sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 20 Akta, gudang yang dilesenkan di bawah seksyen 25 Akta, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 27AB Akta, tidak termasuk apa-apa kos, caj atau perbelanjaan bagi pengangkutan atau penyimpanan sebaik selepas pemindahan itu.

(2) Nilai barang berduti yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah ditentukan berdasarkan berikut:

(a) nilai campuran di bawah peraturan 4; atau

(b) jika nilai campuran di bawah perenggan (a) tidak boleh ditentukan, nilai anjal di bawah peraturan 5.

(3) Subperaturan (2) hendaklah terpakai sama ada terdapat apa-apa aktiviti jualan dan belian, atau sama ada barang berduti itu dimiliki oleh pengilang atau mana-mana orang lain di bawah suatu perjanjian kontrak pengilangan.

(4) Jika barang berduti itu dimiliki oleh mana-mana orang di bawah perjanjian kontrak pengilangan, nilai yang hendak ditentukan di bawah subperaturan (2) hendaklah termasuk kos kerja yang dilakukan yang dikenakan oleh pengilang kepada pembeli.

(5) Harga yang seseorang pembeli akan bayar bagi barang atas pembelian tidak boleh dianggap sebagai dalam pasaran terbuka jika barang berduti itu dijual atau hendak dijual kepada mana-mana orang yang berkaitan, melainkan—

(a) harga yang dikenakan adalah balasan yang tunggal dan eksklusif kepada urusan niaga;

- (b) harga yang dikenakan tidak terjejas oleh apa-apa perdagangan, kewangan atau hubungan lain sama ada secara kontrak atau selainnya, antara pengilang dengan pembeli atau mana-mana orang lain yang mempunyai hubungan perniagaan, selain hubungan biasa yang sedia ada dalam urus niaga itu; dan
 - (c) tidak terdapat pembahagian bagi apa-apa faedah yang diperoleh daripada urus niaga yang berikutnya antara pengilang dengan pembeli atau dengan mana-mana rakan kongsi perniagaan mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- (6) Bagi maksud peraturan ini—
- (a) seseorang disifatkan sebagai mempunyai kaitan dengan seorang yang lain jika—

 - (i) mereka ialah pegawai atau pengarah bagi perniagaan satu sama lain;
 - (ii) mereka diiktiraf secara sah sebagai rakan kongsi dalam perniagaan;
 - (iii) salah seorang daripadanya secara langsung atau tidak langsung memiliki, mengawal atau memegang lima peratus atau lebih saham atau syer pengundian diterbitkan bagi kedua-dua mereka;
 - (iv) seorang daripada mereka secara langsung atau tidak langsung mengawal seorang yang satu lagi;
 - (v) kedua-dua mereka secara langsung atau secara tidak langsung dikawal oleh orang ketiga;

- (vi) mereka bersama-sama secara langsung atau tidak langsung mengawal orang ketiga;
 - (vii) mereka ialah anggota dalam keluarga yang sama; atau
 - (viii) seorang daripada mereka ialah pemegang amanah dalam suatu penyelesaian;
- (b) seseorang disifatkan sebagai anggota keluarga yang sama jika—
- (i) mereka mempunyai kaitan melalui hubungan darah dalam hubungan generasi ketiga;
 - (ii) mereka berkahwin antara satu sama lain atau jika seseorang berkahwin dengan seseorang yang mempunyai kaitan dalam hubungan generasi ketiga dengan seorang yang lain; atau
 - (iii) seorang yang telah diangkat sebagai anak kepada seseorang yang lain atau sebagai seorang anak kepada seseorang yang dalam hubungan generasi ketiga dengan seorang yang lain; dan
- (c) seseorang pemegang amanah dalam suatu penyelesaian adalah mempunyai kaitan jika—
- (i) salah seorang daripadanya yang dalam penyelesaian itu adalah seorang setlor;
 - (ii) mana-mana orang yang mempunyai kaitan dengan setlor yang disebut dalam subperenggan (c)(i); atau

- (iii) suatu pertubuhan perbadanan yang berkaitan dengan penyelesaian itu.

Nilai campuran

4. (1) Nilai campuran ialah agregat amaun yang bersamaan dengan—

(a) kos, caj dan perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan—

(i) bahan-bahan yang digunakan dalam pengilangan barang berduti; dan

(ii) pengilangan atau apa-apa pemprosesan lain barang berduti yang dikira berdasarkan—

(A) akaun komersil barang berduti itu; dan

(B) apa-apa maklumat yang mencukupi yang berhubungan dengan pengilangan atau pemprosesan lain barang berduti itu; dan

(b) amaun keuntungan dan perbelanjaan am yang dilakukan atau diakaunkan dalam pengilangan dan penjualan barang berduti yang hendaklah dikira berdasarkan maklumat yang mencukupi mengikut prinsip perakaunan yang diterima secara am di Malaysia.

(2) Kos, caj dan perbelanjaan yang disebut dalam perenggan (1)(a) hendaklah termasuk—

(a) nilai bantuan;

(b) kos, caj dan perbelanjaan yang dilakukan atau diakaunkan berkenaan dengan kejuruteraan, kerja pembangunan, kerja seni, kerja reka bentuk, pelan dan lakaran, yang disediakan secara

langsung atau tidak langsung bagi kegunaan dalam pengilangan dan penjualan barang berduti itu;

(c) bayaran royalti dan fi lesen yang dilakukan atau diakaunkan termasuk bayaran paten, cap dagangan dan hak cipta berkenaan dengan barang berduti itu, yang dibayar secara langsung atau tidak langsung dalam pengilangan dan penjualan barang berduti itu; dan

(d) apa-apa kos secara langsung dan tidak langsung yang dilakukan atau diakaunkan dalam pengilangan dan penjualan barang berduti itu mengikut prinsip perakaunan yang diterima secara am di Malaysia.

(3) Bagi maksud peraturan ini—

(a) “bantuan” ertinya barang dan perkhidmatan yang dibekalkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembeli secara percuma atau pada suatu kos terkurang untuk kegunaan berkaitan dengan pengilangan atau penjualan barang berduti yang termasuklah—

(i) bahan, komponen, bahagian dan benda serupa yang digunakan-dalam pengilangan barang berduti;

(ii) alat, dai, acuan dan benda serupa yang digunakan dalam pengilangan barang berduti;

(iii) bahan yang digunakan dalam pengilangan barang berduti;

(iv) kejuruteraan, kerja pembangunan, kerja seni, kerja reka bentuk, pelan dan lakaran yang dijalankan dan perlu bagi pengilangan barang berduti; dan

- (v) kos, caj dan perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan pembungkusan, karton, bekas dan penutup lain; dan
- (b) “perbelanjaan am” ertinya kos, caj dan perbelanjaan secara langsung atau tidak langsung yang dilakukan atau diakaunkan dalam pengilangan dan penjualan barang berduti selain kos, caj dan perbelanjaan yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan subperaturan (2).

Nilai anjal

5. Jika nilai barang berduti itu tidak boleh ditentukan berdasarkan nilai campuran di bawah peraturan 4, nilai barang berduti itu hendaklah ditentukan mengikut apa-apa cara yang munasabah dan mengikut prinsip perakaunan yang diterima secara am di Malaysia.

Pemeriksaan dan tinjauan

6. Bagi maksud menentukan nilai apa-apa barang berduti, pegawai yang hak boleh menjalankan pemeriksaan atau tinjauan ke atas penjualan kumpulan barang dan kelompok barang paling terhad, yang sama kelas atau jenis dengan barang berduti yang, pada pendapat pegawai yang hak, maklumat yang mencukupi boleh diperoleh.

Pembatalan

7. Peraturan-Peraturan Eksais (Penentuan Nilai Barang-Barang yang Dikilangkan Secara Tempatan bagi Maksud Melevi Duti Eksais) 2019 [*P.U. (A) 359/2019*] dibatalkan.

Kecualian

8. Apa-apa barang berduti yang telah dipindahkan dari tempat pengilangan yang dinyatakan dalam sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 20 Akta, gudang yang dilesenkan di bawah seksyen 25 Akta, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 27AB Akta, sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah diuruskan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan seolah-olah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan itu tidak pernah dibatalkan.

Dibuat 31 Disember 2019
[SULIT KE.HD(122)860/01 Klt.3 (33); PN(PU2)337/XXIV]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

EXCISE ACT 1976

EXCISE (DETERMINATION OF VALUE OF LOCALLY MANUFACTURED GOODS FOR THE PURPOSE OF LEVYING EXCISE DUTY) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 85(2)(*bd*) of the Excise Act 1976 [*Act 176*], the Minister makes the following regulations:

Citation, commencement and application

1. (1) These regulations may be cited as the **Excise (Determination of Value of Locally Manufactured Goods for the Purpose of Levying Excise Duty) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2020.

(3) These Regulations shall apply to the dutiable goods which are locally manufactured.

Interpretation

2. (1) In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“contract manufacturing agreement” means any agreement to manufacture goods on behalf of any other person which may include outsourcing of certain production activities on the goods supplied by the person;

“sufficient information” means objective and quantifiable information used to establish the accuracy of any amount, difference or adjustment of the value of the dutiable goods being determined.

Determination of value of dutiable goods

3. (1) The value of dutiable goods for the purpose of levying excise duty shall be the price which a purchaser would pay for the goods on purchase in the open market at the time when duty is payable upon the removal of such goods from the place of manufacture specified in a licence issued under section 20 of the Act, the warehouse

licensed under section 25 of the Act, or the warehouse or other place approved by the Director General under section 27AB of the Act, excluding any costs, charges and expenses of transportation and storage immediately after such removal.

(2) The value of the dutiable goods referred to in subregulation (1) shall be determined based on the following:

- (a) the computed value under regulation 4; or
- (b) if the computed value under paragraph (a) cannot be ascertained, the flexible value under regulation 5.

(3) Subregulation (2) shall apply whether there is any selling and buying activities, or whether the dutiable goods are belong to the manufacturer or any other person under a contract manufacturing agreement.

(4) Where the dutiable goods are belong to any person under a contract manufacturing agreement, the value to be determined under subregulation (2) shall include the cost of work done charged by the manufacturer to the purchaser.

(5) The price which a purchaser would pay for the goods on purchase shall not be considered as in open market if the dutiable goods are sold or to be sold to any person connected, unless—

- (a) the price charged is the sole and exclusive consideration of the transaction;
- (b) the price charged is not affected by any trade, financial or other relationship whether contractually or otherwise, between the manufacturer and the purchaser or any other person having a business relationship, other than the normal relationship existing in such transaction; and

(c) there is no distribution of any benefit derived from the subsequent transaction between manufacturer and purchaser or any of their business partners whether directly or indirectly.

(6) For the purposes of this regulation—

(a) a person is deemed to be connected to another person if—

- (i) they are officers or directors of one another's business;
- (ii) they are legally recognized partner in business;
- (iii) any one person directly or indirectly owns, controls or holds five per cent or more of the outstanding voting stock or shares of both of them;
- (iv) one of them directly or indirectly controls the other;
- (v) both of them are directly or indirectly controlled by a third person;
- (vi) together they directly or indirectly control a third person;
- (vii) they are members of the same family; or
- (viii) one of them is a trustee in a settlement;

(b) a person is deemed to be a member of the same family if—

- (i) they are connected by blood relationship within the third degree of relationship;

- (ii) they are married to one another or if one is married to a person who is connected within the third degree of relationship to the other; or
 - (iii) one has been adopted as the child of the other or as a child of a person who is within the third degree of relationship to the other; and
- (c) a trustee in a settlement is connected if—
- (i) any one person in the settlement is a settlor;
 - (ii) any person is connected with the settlor referred to in subparagraph (c)(i); or
 - (iii) a body corporate is connected with that settlement.

Computed value

4. (1) The computed value is the aggregate amount which equals to—
- (a) the costs, charges and expenses incurred with regard to—
- (i) the materials used in manufacturing of the dutiable goods; and
 - (ii) the manufacture or any other processing of the dutiable goods which is calculated based on—
 - (A) the commercial account of the dutiable goods; and
 - (B) any sufficient information relating to the manufacture or other processing of the dutiable goods; and

- (b) the amount of profit and general expenses incurred or accounted in the manufacture and sale of the dutiable goods which shall be calculated based on the sufficient information in accordance with generally accepted accounting principles in Malaysia.

(2) Costs, charges and expenses referred to in paragraph (1)(a) shall include—

- (a) the value of assist;
- (b) the costs, charges and expenses incurred or accounted in respect of the engineering, development work, art work, design work, plan and sketch, provided directly or indirectly for the usage in the manufacture and sale of the dutiable goods;
- (c) the royalty payments and licence fees incurred or accounted including patent, trademark and copyright payments in respect of the dutiable goods, which are paid directly or indirectly in the manufacture and sale of the dutiable goods; and
- (d) any direct and indirect costs incurred or accounted in the manufacture and sale of the dutiable goods in accordance with generally accepted accounting principles in Malaysia.

(3) For the purposes of this regulation—

- (a) “assist” means the goods and services supplied directly or indirectly by the purchaser for free of charge or at a reduced cost for the use in connection with the manufacture or sale of the dutiable goods which includes—

 - (i) materials, components, parts and similar items used in the manufacture of the dutiable goods;

- (ii) tools, dies, moulds and similar items used in the manufacture of the dutiable goods;
 - (iii) materials used in the manufacture of the dutiable goods;
 - (iv) engineering, development work, art work, design work, plan and sketch undertaken and necessary for the manufacture of the dutiable goods; and
 - (v) costs, charges and expenses incurred related to packaging, cartons, containers and other coverings; and
- (b) “general expenses” means the costs, charges and expenses directly or indirectly incurred or accounted in the manufacture and sale of the dutiable goods other than the costs, charges and expenses referred to in paragraph (1)(a) and subregulation (2).

Flexible value

5. If the value of the dutiable goods cannot be determined based on the computed value under regulation 4, the value of the dutiable goods shall be determined in such manner as may be reasonable and in accordance with generally accepted accounting principles in Malaysia.

Inspection and survey

6. For the purpose of determining value of any dutiable goods, the proper officer may conduct an inspection or survey on the sale of the group of goods and the most limited range of goods, of the same class or type with the dutiable goods which, in the opinion of the proper officer, sufficient information can be obtained.

Revocation

7. The Excise (Determination of Value of Locally Manufactured Goods for the Purpose of Levying Excise Duty) Regulations 2019 [*P.U. (A) 359/2019*] are revoked.

Savings

8. Any dutiable goods which have been removed from the place of manufacture specified in a licence issued under section 20 of the Act, the warehouse licensed under section 25 of the Act, or the warehouse or other places approved by the Director General under section 27AB of the Act, prior to the coming into operation of these Regulations shall be dealt with under the revoked Regulations as if the revoked Regulations had not been revoked.

Made 31 December 2019

[SULIT KE.HD(122)860/01 Klt.3 (33); PN(PU2)337/XXIV]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance